A

Muklis bin Jafar lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH PERSEKUTUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO 05–161 TAHUN 2009 (B)

B RICHARD MALANJUM HB (SABAH DAN SARAWAK), HASHIM YUSOFF DAN ZULKEFLI MAKINUDIN HHMP

8 JULAI 2011

C *Keterangan — Ekshibit — Rantaian keterangan terputus — Perayu disabitkan bersalah atas tuduhan mengedar dadah dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati — Pegawai memegang kunci stor barang kes tidak dipanggil untuk memberi keterangan — Sama ada rantaian keterangan terputus*

D

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu disabitkan bersalah atas tuduhan mengedar dadah dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati — Sama ada rantaian keterangan terputus — Sama ada berat dadah yang dinyatakan oleh ahli kimia berbeza dengan

E *tuduhan — Sama ada kes pendakwaan terjejas — Sama ada terdapat ketidakadilan — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(2)*

Perayu telah disabitkan bersalah di Mahkamah Tinggi atas tuduhan mengedar dadah berbahaya iaitu 866g cannabis dan dijatuhkan hukuman gantung

F sampai mati di bawah s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Rayuan perayu ke Mahkamah Rayuan telah ditolak, oleh yang demikian, perayu telah memfailkan rayuan semasa. Perayu berhujah bahawa: (a) rangkaian keterangan mengenai cannabis yang didapati daripada perayu telah terputus apabila pegawai yang memegang kunci kepada stor barang kes di makmal forensik

G jabatan polis ('stor tersebut') iaitu DSP Samad bin Yahya tidak dipanggil untuk memberi keterangan dan tidak juga ditawarkan kepada pihak pembelaan; dan (b) jumlah berat dadah yang dinyatakan oleh ahli kimia ('SP3') iaitu 866.21g berbeza dengan jumlah di dalam pertuduhan yang menyebut berat cannabis ialah 866g sahaja. Berdasarkan keterangan, SP4 telah menemui dadah tersebut

H di dalam satu bungkusan plastik lutsinar yang terletak dalam bahagian hadapan seluar perayu. Seterusnya dadah tersebut telah diserahkan oleh pegawai penyiasat iaitu SP8 kepada SP7 yang kemudian telah menyimpan dadah tersebut di dalam stor tersebut. Dadah tersebut kemudiannya diserahkan oleh SP7 kepada penolong juruanalisa cap jari makmal forensik

I iaitu SP6.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi:

(1) Hakim bicara telah membuat dapatan fakta bahawa rantaian tidak

terputus setelah mengambil kira tandaan-tandaan yang dibuat ke atas barang kes dan pergerakan barang kes tersebut dari SP4 kepada SP6, SP7, SP8 dan SP3 dan seterusnya pergerakan balik barang kes kepada SP8 sehinggalah ia dikemukakan di dalam perbicaraan. Pengecaman dadah tersebut oleh saksi-saksi pendakwaan juga tidak disoal balas oleh pihak pembelaan. Oleh itu, mahkamah berpuashati bahawa dadah yang dikemukakan adalah dadah yang didapati daripada perayu semasa dia ditangkap polis. Mahkamah juga bersetuju dengan kesimpulan Mahkamah Rayuan bahawa tidak terdapat rangkaian yang terputus mengenai dadah tersebut setelah meneliti keterangan SP4, SP6, SP7, SP8 dan SP3. Walaupun tanpa keterangan DSP Samad bin Yahya, adalah mencukupi dari keterangan SP3, SP4, SP6, SP7 dan SP8 bahawa dadah tersebut jelas dikenal pasti oleh mereka masing-masing. Oleh itu kes pendakwaan tidak terjejas (lihat perenggan 12–13).

(2) Perbezaan jumlah dadah tersebut telah dijelaskan sendiri oleh SP3 di dalam keterangannya di dalam rekod rayuan. Oleh itu, mahkamah mendapati bahawa berat bersih dadah tersebut yang dibuat sebagai berjumlah 866g sahaja dan bukan 866.21g tidak memudaratkan kes pendakwaan dan tidak terdapat ketidakadilan yang berlaku (lihat perenggan 15–16).

[Bahasa Malaysia summary

The appellant was convicted in the High Court for allegedly distributing a dangerous drug of 866g cannabis and sentenced to death to death under s 39B(2) of the Dangerous Drugs Act 1952. The appellant's appeal to the Court of Appeal was dismissed, therefore, the appellant filed the present appeal. The appellant argued that: (a) there was a brake in chain of evidence on the cannabis obtained from the appellant when an officer holding the key to the exhibit store in the police department forensic laboratory ('the store') namely DSP Samad bin Yahya was not called to testify or not offered to the defense; and (b) the total weight of the drug specified by the chemist ('SP3') of 866.21g differed from the amount stated in the charge that the weight of the cannabis was 866g only. Based on the evidence, SP4 found the drug in a transparent plastic package located in the front of the appellant's pants. Subsequently the drugs were handed over by the investigating officer SP8 to SP7 which later stored the said drugs in the store. The drugs were subsequently handed over by SP7 to the forensic laboratory's assistant analyst of fingerprint, SP6.

Held, dismissing the appeal and affirming the conviction and sentence by the High Court:

(1) The trial judge had made the finding of fact that the chain was uninterrupted after considering the marks made on the exhibits and the movements of the exhibits from SP4 to SP6, SP7, SP8 and SP3 and subsequently the movement of the exhibits back to SP8 until it was

tendered in the trial. The drug identification by prosecution witnesses was also not disputed by the defense. Thus, the court was satisfied that the drug tendered in the court was the drug that was obtained from the appellant when he was arrested by the police. The court also agreed with the Court of Appeal's conclusion that there was no break in chain of the drug after reviewing the SP4, SP6, SP7, SP8 and SP3 statements. Although without the evidence of DSP Samad bin Yahya, it was sufficient from the evidence of SP3, SP4, SP6, SP7 and SP8 that the drugs were clearly identified by each of them. Therefore, the prosecution case was not affected (see paras 12–13).

(2) The difference in the amount of the drugs had been explained by SP3 himself in his evidence in the record of appeal. Thus, the court found that the net weight of the drug stated as amounting to 866g only and not 866.21g did not prejudice the prosecution case and no injustice occurred (see paras 15–16).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rantaian keterangan terputus, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 1865–1888.

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 321–500.

Kes-kes yang dirujuk

Mohd Osman bin Pawan v PP [1989] 2 MLJ 110, MA (dirujuk)

Su Ah Ping v PP [1980] 1 MLJ 75, MP (dirujuk)

Sun Kam Heng v PP [1992] 2 MLJ 826; [1993] 1 CLJ 109, MA (dirujuk)

Timhar Jimdani Ong & Anor v PP [2010] 1 MLJ 775; [2010] 3 CLJ 938, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(2)

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (dimansuhkan oleh Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012) s 51(1)

Rayuan daripada: Rayuan Jenayah No B05–25 Tahun 2009 (Mahkamah Rayuan, Putrajaya)

T Vijayandran (T Vijay & Co) bagi pihak perayu.

Ahmad bin Bache (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Hashim Yusoff HMP:

[1] Perayu telah didapati bersalah di atas tuduhan mengedar dadah berbahaya iaitu 866g cannabis. Justeru itu perayu disabitkan dan dikenakan hukuman gantung sampai mati di bawah s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam. Rayuan perayu ke Mahkamah Rayuan telah ditolak. Kini perayu merayu kepada mahkamah ini.

FAKTA KES

[2] Secara ringkas, perayu telah diserang hendap oleh satu pasukan polis di tempat dan masa seperti di dalam pertuduhan ('eksh P2'). Setelah perayu ditangkap, Ketua Insp Mohd Husni bin Manaf ('SP4') yang mengetuai pasukan polis tersebut, telah mendapati dari sebelah dalam bahagian hadapan seluar perayu, satu bungkusan plastik lutsinar yang mengandungi dadah tersebut. Seterusnya, dadah tersebut disahkan oleh ahli kimia sebagai 866g cannabis ('dadah tersebut').

[3] Di hadapan kami, hanya satu isu yang dibangkitkan oleh peguam perayu, iaitu mengenai rangkaian keterangan. Beliau menghujahkan bahawa rangkaian keterangan mengenai cannabis yang didapati daripada perayu telah terputus apabila pegawai yang memegang anak kunci kepada stor barang kes di Makmal Forensik Jabatan Polis iaitu DSP Samad bin Yahya tidak dipanggil untuk memberi keterangan dan tidak juga ditawarkan kepada pihak pembelaan.

[4] Mengikut keterangan Sgt Kamaruzaman bin Harun ('SP7'), beliau telah menerima dadah tersebut daripada pegawai penyiasat, Ketua Insp Che Shamsuddin bin Che Yusoff ('SP8') pada 24 September 2004. Kemudian, SP7 telah menyimpan dadah berkenaan di dalam stor barang kes di Makmal Forensik dari 24 September 2004–27 September 2004. Stor tersebut dikatakan sentiasa berkunci dan kuncinya disimpan oleh DSP Samad bin Yahya.

[5] Rujukan dibuat kepada kes *Mohd Osman bin Pawan v Public Prosecutor* [1989] 2 MLJ 110 di mana di ms 109 Mohamed Yusoff SCJ berkata:

> It is to be observed that the law is clear that it is unnecessary to call every witness to ensure that there is no break in the chain of evidence (see *Su Ah Ping v Public Prosecutor*). But when there is doubt as to the identity of the exhibits, as in this case, failure to adduce evidence to provide the necessary link in the chain of evidence would be fatal to the prosecution's case *Teoh Hoe Chye v Public Prosecutor*. In the present case we find that there is such a failure and as such the conviction under s 39B(1)(a) cannot stand.

[6] Peguam perayu juga merujuk kepada kes *Sun Kam Heng v Public*

Prosecutor [1992] 2 MLJ 826; [1993] 1 CLJ 109 di mana Edgar Joseph Jr SCJ mengatakan kegagalan untuk memanggil atau untuk ditawarkan kepada pembelaan DSP Bahadom yang menyimpan revolver ('P3') yang menjadi bahan tuduhan di bawah s 51(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 merupakan terputusnya rangkaian keterangan mengenai revolver tersebut dan menjadi padah kecacatan kepada kes pendakwaan.

[7] Timbalan pendakwa raya yang bijaksana menjawab bahawa ASP Izanizam bin Salleh ('SP6'), Penolong Juruanalisa Cap Jari di Makmal Forensik yang telah menerima dadah berkenaan daripada pegawai penyiasat ('SP8'), melalui Sgt Kamaruzaman bin Haron ('SP7') dan juga SP7 sendiri tidak disoal-balas oleh peguam perayu untuk mencadangkan bahawa ekshibit dadah tersebut telah diusik (*tempered with*) dan oleh itu kemungkinan terdapat campur aduk ekshibit-ekshibit di dalam stor barang kes makmal forensik itu. Beliau merujuk kepada kes *Timhar Jimdani Ong & Anor v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 775; [2010] 3 CLJ 938 di mana Abdull Hamid Embong JCA (ketika itu) mengatakan di ms 785 (MLJ); 951 (CLJ) seperti berikut:

> Another matter that arose out of this issue is the fact that Insp Willie was not cross-examined on the said omissions in his police report. This matter had been correctly addressed by the learned trial judge who said this in his judgment:
>
> > If the defence had serious objections to the impugned evidence of Insp Willie the omission should have been brought to his attention while he has still in the witness box. It is against the principle of fair play to attack the evidence of a witness during submissions when the witness no longer has the opportunity to defend his evidence.
>
> It is trite that if the defence had any misgivings on the authenticity or suspicious nature of any narration of the evidence by the prosecution's witness, then that witness should have been cross-examined on that disputed fact so that an explanation can be given to be to be properly assessed by the trial court. More so here when the defence is now submitting that the evidence given by the prosecution had been fabricated and not supported by the police report. To merely advert to the omission to details in the police report at the submission stage would amount to springing a surprise on the prosecution. Essential justice requires that the defence should be put during the cross-examination of any witness that part of the evidence which is disputed. An early exposition of the defence, even at the prosecution's stage has become an essential feature in the adversarial system of criminal trials in the common law jurisdictions.

[8] Di dalam kes *Su Ah Ping v Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 75 mahkamah ini telah memutuskan, antara lain:

> Held: (1) it is unnecessary to call evidence to ensure that there is no break in the chain of evidence. If the officer who picked up the object at the scene produced it and identified it as that very object that is enough and there is no need to call every other officer who handled it, unless there is doubt as to the identity.

[9] Dengan hormatnya kes-kes yang dirujukkan oleh peguam perayu semuanya dapat dibezakan. A

[10] Di dalam kes *Mohd Osman bin Pawan*, saksi-saksi pendakwaan SP3 dan SP7 mengatakan mereka menjumpai 300 gulung dalam eksh P6 dan 4,000 gulung dalam eksh P3 pada 17 Mac 1983 tetapi apabila ekshibit-ekshibit tersebut tiba kepada ahli kimia pada 21 Mac 1983 hanya terdapat 299 gulung dan 3,997 gulung dalam bungkusan ekshibit-ekshibit berkenaan. Mohamed Yusoff SCJ antara lain berkata di ms 111: B

> In the present case, it is noted, as shown in evidence, that the relevant exhibits, exhs P3 and P6, were kept in a common strong-room with other exhibits relating to other cases. They were not labelled nor marked. No register was kept of what other exhibits were kept in the room together with the present exhibits. The possibility of sending different exhibits to the chemist for analysis was highly probable in a situation such as this. This is more so when there is a discrepancy discovered in the amount of the drug, as the exhibits in this case, received by the chemist was less than the amount allegedly sent to him for analysis. C D

[11] Tetapi di dalam rayuan semasa, keterangan SP4 jelas menyatakan beliau telah membuat tandaan huruf 'A', tarikh 21 September 2004 serta menandatanganinya pada plastik lutsinar yang membalut dadah itu. Keterangan ini disokong oleh keterangan SP6, SP7 dan SP8 yang menerima ekshibit tersebut dan juga oleh SP3 ahli kimia yang menganalisa dadah tersebut. E F

[12] Hakim bicara telah menimbang isu ini dan membuat dapatan fakta setelah mengambil kira tandaan-tandaan yang dibuat ke atas barang kes dan pergerakan barang kes itu daripada SP4 kepada SP6, SP7, SP8 dan SP3 dan seterusnya pergerakan balik barang kes itu kepada SP8 sehinggalah ia dikemukakan semasa di dalam perbicaraan di mahkamah bahawa rantaian tidak terputus. Pengecaman dadah tersebut oleh saksi-saksi pendakwaan tidak pula di soal balas oleh peguam pembelaan mengenainya. Oleh itu kami berpuas hati dadah tersebut yang dikemukakan sebagai eksh P11 adalah dadah yang didapati daripada perayu semasa dia ditangkap oleh polis. G H

[13] Kami telah juga meneliti rekod rayuan mengenai isu ini dan bersetuju dengan mahkamah rayuan yang telah menolak hujahan peguam perayu dan telah membuat kesimpulan bahawa tidak terdapat rangkaian yang terputus mengenai dadah tersebut setelah meneliti keterangan SP4, SP6, SP7, SP8 dan SP3 di mana masing-masing telah mengecamnya melalui penandaan-penandaan yang dibuat ke atas ekshibit tersebut dan tidak terdapat apa-apa kekeliruan mengenai pengecamannya. Walaupun tanpa keterangan dari DSP Samad bin Yahya, adalah mencukupi dari keterangan SP3, SP4, SP6, I

A SP7 dan SP8 bahawa dadah tersebut jelas dikenal pasti oleh mereka masing-masing. Oleh itu kes pendakwaan tidak terjejas.

[14] Satu lagi isu yang dihujahkan oleh peguam perayu ialah mengenai perbezaan jumlah berat dadah tersebut. Beliau menghujahkan bahawa ahli
B kimia ('SP3') mengatakan pada 14 Januari 2004 apabila beliau menimbang barang kes yang berupa bungkusan plastik bertanda 'A' dan kandungannya, dia mendapati beratnya ialah 884.7g. Seterusnya SP3 mengatakan berat bersih ketulan mampat bahan tumbuhan yang berada di dalam plastik lut sinar
C tersebut ialah 866.21g. Dihujahkan jumlah ini berbeza dengan jumlah di dalam pertuduhan ('eksh P2') yang menyebut berat cannabis ialah 866g sahaja.

[15] Kami berpendapat perbezaan jumlah ini telah dijelaskan oleh SP3 sendiri di dalam keterangannya di ms 25 dan 29 rekod rayuan di mana beliau
D menjelaskan seperti berikut:

> Seterusnya pada 22/2/2005, saya telah mengeluarkan barang kes ini dari kabinet besi berkunci dan telah memotong pembalut plastik untuk mengeluarkan kandungannya. Saya dapati ianya mengandungi ketulan mampat bahan tumbuhan. Seterusnya saya telah menimbang pembalut plastik kosong dan telah mendapati
E beratnya adalah 18.49g.
>
> Seterusnya saya mendapat berat bersih ketulan mampat bahan tumbuhan tersebut ialah 866.21g. Berat bersih ini saya perolehi dengan menolak berat pembalut plastik kosong dari berat kasar. Ini bermakna saya tolak 18.49g daripada 884.70g, untuk mendapatkan berat bersih tadi.
>
F
> Merujuk kepada P11, saya telah laporkan berat bersih bahan tumbuhan yang saya analisis sebagai cannabis seperti ditakrifkan di bawah s 2 ADB 1952, sebagai 866g walhal di dalam keterangan saya di mahkamah ini, saya telah katakan berat bersihnya ialah 866.21g. Ini adalah selaras dengan kaedah yang di tetapkan oleh Jabatan Kimia Malaysia, yang mengabaikan titik perpuluhan semasa membuat
G laporan.

[16] Oleh itu kami berpendapat berat bersih dadah tersebut yang dibuat sebagai berjumlah 866g sahaja dan bukan 866.21g tidak memudaratkan kes
H pendakwaan dan tidak terdapat ketidakadilan yang berlaku kerana itu.

[17] Berdasarkan sebab-sebab di atas, rayuan ini ditolak. Sabitan dan hukuman yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.

I

Rayuan ditolak; sabitan dan hukuman yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar